

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kumpulan ajaran sesat yang dilaporkan dan apakah langkah terkini untuk menanganinya.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak 100 ajaran telah difatwakan sesat oleh negeri-negeri di Malaysia. Pada masa ini, tiga ajaran sesat yang aktif telah dikesan dan sentiasa dalam pemantauan pihak berkuasa iaitu

- i. Aliran Pemikiran Liberal;
- ii. Pertubuhan Kerabat Raja Sakti (PKRS)- penjenamaan semula dari Ajaran Azhar Wahab (al-Mansur); dan
- iii. Millah Ibrahim/ Abraham.

Selain itu, terdapat juga ajaran yang difatwakan bukan dari akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.

Penguatkuasaan terhadap ajaran sesat adalah terletak di bawah bidang kuasa agama negeri masing-masing. Namun, sebagai langkah pencegahan, JAKIM, JAIN dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) sentiasa berkerjasama dan menggembeleng tenaga dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti yang berikut:

A) Program jangka pendek - adalah tindakan serta merta dan berterusan iaitu:

i. Pencegahan:

Menyebarkan fatwa-fatwa yang berkaitan, mengadakan program-program penjelasan fahaman-fahaman yang menyeleweng dari akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah melalui ceramah, seminar dan menerusi media cetak dan elektronik. Sesi penjelasan secara bersemuka seperti mengadakan seminar bersiri iaitu JAWI Special Talk Siri I bertajuk "Ahli Sunnah wal-Jamaah vs Syiah" pada 1 September 2016 dan JAWI Special Talk Siri II bertajuk "Millah Abraham vs IS", Seminar Sufi Kebangsaan, Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir, Guru KAFA dan Jawatankuasa Masjid Peringkat Negeri-negeri Seluruh Malaysia, Seminar Profesionalisme Imam dan Jawatankuasa Masjid di seluruh negeri, program Penerapan Nilai-nilai Islam. Manakala penjelasan melalui program-program menerusi

media elektronik, dengan melibatkan stesen-stesen televisyen swasta dan kerajaan seperti Radio IKIM.fm, Radio Salam FM, Astro, TV Alhijrah, RTM, termasuklah khutbah antara lain bertajuk "Ajaran Sesat Membentuk Pemikiran Radikal", "Tiada Jalan Pintas ke Syurga" dan "Jerat Pemesongan Akidah".

ii. Pemantauan dan risikan:

Menjalankan program pemantauan terhadap individu atau kumpulan yang befahaman menyeleweng daripada akidah ASWJ serta menapis bahan-bahan penerbitan sama ada bercetak atau elektronik.

iii. Penguatkuasaan undang-undang:

Meningkatkan kerjasama antara pihak berkuasa agama dan agensi keselamatan terhadap fahaman-fahaman yang telah diwartakan menyeleweng daripada akidah ASWJ. Selain daripada mekanisme yang sedia ada, penyelarasan maklumat antara negeri-negeri dijalankan melalui program antaranya seperti Konvensyen Perundangan Syariah Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 pada 12 dan 13 Oktober 2016 dengan kerjasama Jakim, Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor dan Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber Peringkat Kebangsaan pada 18 Oktober 2016.

iv. Gerak Saraf Perang Saraf (GSPS):

Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Mufti, JAIN dan agensi-agensi keselamatan bagi sesi perbincangan dan dialog dengan

pihak-pihak yang dikaitkan dengan fahaman yang telah difatwakan menyeleweng. Sesi dialog yang dijalankan turut melibatkan ahli pakar berkaitan akidah melalui jawatankuasa yang dibentuk sama ada di peringkat Jakim mahupun JAIN.

B) Program Jangka Panjang - iaitu:

- i. Merangka Dasar dan Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia. Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama daripada agensi Kerajaan, NGO dan IPTA telah berjaya memuktamadkan Dasar dan Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia yang bertujuan untuk melahirkan ummah yang mempunyai keimanan yang teguh, komited, bertanggungjawab, mengamalkan akhlak-akhlak yang terpuji dan beristiqamah menjauhi kemungkaran dengan misi Ummah Sifar Jenayah Syariah;
- ii. Merangka Pelan Dakwah JAKIM yang meletakkan pengukuhan akidah sebagai salah satu teras utamanya bagi menghadapi fenomena langit terbuka dalam era globalisasi yang memberi ruang seluas-luasnya kepada serangan akidah umat Islam;
- iii. Melaksanakan program di bawah Pelan Tindakan Rancangan Lima Tahun Menangani Ancaman Akidah yang dirangka bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara dan memelihara serta mengawal akidah umat Islam daripada menyeleweng.
- iv. Melaksanakan aktiviti secara kerjasama melalui *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan kementerian dan agensi yang berkaitan dalam Jawatankuasa Pemandu Menangani Ancaman Akidah

Peringkat Kebangsaan bagi merangka gerak kerja yang proaktif agar pelaksanaannya lebih cekap dan menyeluruh selari dengan kehendak dan cabaran semasa. Juga melalui mesyuarat High Level Committee (HLC) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi membincangkan isu-isu berkaitan bahan penerbitan berkenaan Islam.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SERI ABDUL HADI BIN
DARIPADA AWANG [MARANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kementerian berusaha untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) demi melahirkan golongan OKU yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang profesional dan tenaga mahir.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa beriltizam dalam memastikan murid berkeperluan khas (MBK) mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka. Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah memberi tumpuan dalam penyediaan kurikulum yang luwes, relevan, dan berkualiti khusus mengikut kesesuaian dan keupayaan MBK dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah.

MBK berkefungsian tinggi yang berupaya mengikuti kurikulum arus perdana akan menjalani pentaksiran seperti mana murid arus perdana dan digalakkan memasuki program pendidikan inklusif di sekolah harian biasa. Manakala MBK berkefungsian sederhana pula akan ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah harian biasa. Bagi MBK berkefungsian rendah, mereka digalakkan untuk belajar di sekolah pendidikan khas menggunakan kurikulum yang dibina khusus dengan memberi fokus kepada kemahiran asas, kemahiran hidup dan kemahiran sosial.

Keluwesan dalam kurikulum membolehkan keperluan khusus MBK disesuaikan bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran hidup sebagai persediaan untuk kehidupan alam dewasa dan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas yang berteraskan kemahiran, bakal dilaksanakan pada 2017 untuk MBK.

KPM mempunyai empat (4) buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional yang menawarkan 29 program kemahiran vokasional untuk MBK. Manakala Kolej Vokasional Keningau di Sabah pula menawarkan PPKI yang khusus untuk menempatkan MBK kurang upaya pendengaran mengikuti program kemahiran vokasional. Keempat-empat sekolah ini dan Kolej Vokasional Keningau telah menempatkan sejumlah 765 orang MBK bagi mengikuti program kemahiran vokasional.

Selain itu, melalui *Strategi Lautan Biru Kebangsaan* (NBOS), KPM akan meneroka kerjasama dengan organisasi lain seperti organisasi antarabangsa, sektor swasta, dan agensi kerajaan bagi meningkatkan

lagi sokongan dan peluang kepada murid berkeperluan khas. Kesemua pihak berkepentingan ini memainkan peranan penting sebagai penyokong, pengupaya, pendukung, dan rakan pelaksana dalam pendidikan MBK. Pada masa yang sama, KPM akan melibatkan majikan bagi menyokong usaha ini dalam membangunkan program transisi ke tempat kerja untuk membantu lulusan pendidikan khas memasuki alam pekerjaan.

Kementerian percaya dengan adanya perkongsian sebegini akan dapat membantu meningkatkan taraf pendidikan MBK demi melahirkan golongan orang kurang upaya yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang professional dan tenaga mahir.